

Seminar Pasca Ijazah dalam Pendidikan 2011

## **PERBEZAAN GAYA PEMIKIRAN KRITIS ANTARA PELAJAR SMV YANG PELBAGAI JENIS PERSONALITI**

**Norul'aini Binti Rosli**

**Lee Ming Foong**

*Fakulti Pendidikan Teknikal Dan Vokasional*

*Universiti Tun Hussein Onn Malaysia*

### **Abstrak**

*Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti perbezaan gaya pemikiran kritis antara pelajar Sekolah Menengah Vokasional yang berlainan jenis personaliti. Responden kajian terdiri daripada 322 orang pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Vokasional negeri Johor. Kajian ini merupakan kajian berbentuk deskriptif yang menggunakan kaedah tinjauan. Instrumen kajian yang digunakan berbentuk inventori iaitu inventori Myers –Briggs Type Indicator dan Watson Glaser Critical Thinking Appraisal. Inventori bagi item jenis personaliti meliputi empat dimensi iaitu ekstrovet, introvet, sensing dan intuitif. Inventori untuk item gaya pemikiran kritis pula mengandungi lima aspek penilaian iaitu inferens, pengakuan andaian, deduksi, interpretasi dan penilaian alasan. Data yang dikumpul dianalisis menggunakan perisian Statistical Package For Social Sciences (SPSS) Versi 16.0 untuk mendapatkan peratus, frekuensi, skor min dan ANCOVA.*

Katakunci: gaya pemikiran kritis, pelajar SMV, jenis personaliti.

### **Pendahuluan**

Menurut Pervin, Cervone dan John (2009) dalam buku *Personality: Theory and Research*, konsep sendiri adalah pandangan individu tentang personaliti dirinya. Ia merupakan persepsi personaliti dari dalam. Personaliti bergantung kepada interaksi sosial seseorang dengan persekitarannya. Hasil interaksi dan pengalamannya dengan orang yang signifikan di sekelilingnya khususnya ahli keluarganya mampu mempengaruhi, membentuk dan mengubah personalitinya. Pernyataan ini disokong oleh Nooraini (2002) yang menyatakan personaliti seseorang itu bergantung kepada interaksi beberapa faktor termasuklah faktor baka dan juga pengaruh persekitaran yang merangkumi didikan keluarga terutamanya ibu bapa, budaya dan perbezaan kaum.

Pemahaman terhadap pengertian pemikiran kritis harus dilihat daripada pelbagai sudut. Hal ini kerana, pengertian pemikiran kritis itu sesungguhnya amat luas dan dalam. Setiap sarjana sains pemikiran akan memberi pengertian pemikiran kritis berasaskan pengalaman dan kajian yang dijalankan (Hashim, 2010). Menurut *American Philosophical Association* (APA) 1990, pemikiran kritis ialah proses

pemikiran yang dilakukan kerana bertujuan terhadap pertimbangan peraturan sendiri. Proses pemikiran kritis ini memberikan pertimbangan berdasarkan perhatian terhadap bukti, konteks, pengkonsepan, kaedah dan kriteria. Dengan menumpukan pemikiran kritis sebagai satu proses pemikiran yang bertujuan, penegasan terhadap membuat keputusan telah diberi penekanan dalam konteks mengenal pasti masalah, matlamat, keputusan yang diinginkan, tujuan, dan lain-lain. Kementerian Pelajaran Malaysia telah menetapkan kemahiran berfikir secara kritis dijadikan sebahagian kemahiran asas dalam memperoleh ilmu. (Som, 2003).

### **Penyataan Masalah**

Di Malaysia, kajian-kajian berhubung jenis personaliti dan gaya pemikiran yang dijalankan sebelum ini lebih banyak tertumpu kepada hubungannya dengan pencapaian akademik, mata pelajaran dan yang melibatkan kerjaya. Kajian lepas seperti yang telah dijalankan oleh Yahaya (2005), jenis personaliti seseorang pelajar itu dapat mempengaruhi pemilihan kerjaya pelajar tersebut. Selain itu kajian yang dilakukan Ahmad, Mohamad dan Subari (2006), menyatakan terdapat perbezaan gaya pemikiran antara jantina dan tahap pencapaian pelajar. Menurut Yen Yeong (2008) pula, pemilihan gaya pemikiran yang bersesuaian dapat membantu pelajar di dalam menyelesaikan masalah dalam pelajaran khususnya dalam mata pelajaran Kimia.

Walaupun bagaimanapun, kajian terhadap perbezaan antara jenis personaliti dan gaya pemikiran kritis masih belum mendapat perhatian penyelidik di Malaysia. Setiap pelajar mempunyai jenis personaliti dan gaya pemikiran yang unik dan tersendiri. Perbezaan jenis personaliti dan gaya pemikiran ini seterusnya dapat mempengaruhi dalam cara mereka belajar dan boleh mempengaruhi prestasi akademik mereka. Oleh yang demikian, kajian ini dijalankan untuk mengenalpasti sama ada wujudkah perbezaan di antara jenis personaliti dan gaya pemikiran secara kritis dalam kalangan pelajar Sekolah Menengah Vokasional negeri Johor, kajian ini lebih terfokus kepada pelajar Sekolah Menengah Vokasional itu sendiri dari aspek jenis personaliti dengan gaya pemikiran secara kritis di dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

### **Objektif Kajian**

- (i) Mengetahui jenis personaliti pelajar Sekolah Menengah Vokasional negeri Johor dari empat dimensi MBTI iaitu:
  - (a) Ekstrovert
  - (b) Introvert
  - (c) Sensing
  - (d) Intuitif

- (ii) Mengenal pasti gaya pemikiran secara kritis pelajar Sekolah Menengah Vokasional negeri Johor dari lima aspek WGCTA iaitu:
  - (a) Inferens
  - (b) Pengakuan andaian
  - (c) Deduksi
  - (d) Interpretasi
  - (e) Penilaian alasan
- (iii) Menentukan perbezaan antara pelajar berlainan jenis personaliti dalam gaya pemikiran secara kritis di Sekolah Menengah Vokasional.

### **Kepentingan Kajian**

Antara kepentingan kajian ini dijalankan adalah untuk memberi sumbangan kepada:

- (i) Pelajar
  - (a) Dapat membantu pelajar mengetahui kemampuan pemikiran mereka di samping mengenali sendiri jenis personaliti mereka.
  - (b) Dapat membantu pelajar menentukan cara pembelajaran yang berkesan untuk meningkatkan pencapaian akademik mereka.
- (ii) Guru
  - (a) Dapat membantu dalam memahami jenis personaliti dan gaya pemikiran pelajar.
  - (b) Dapat memberi maklumat dan rujukan dalam pelaksanaan cara pengajaran. di mana guru perlu mengajar secara fleksibel mengikut kepelbagaian jenis personaliti dan gaya pemikiran.
- (iii) Kementerian
  - (a) Dapat dijadikan panduan di dalam penggubalan kurikulum baru.

### **Rekabentuk Kajian**

Rekabentuk kajian merupakan perancangan yang menentukan cara penyelidikan yang dijalankan untuk mendapatkan jawapan kepada permasalahan penyelidikan yang telah ditetapkan. Rekabentuk akan menetapkan unit analisis, populasi, persampelan, pembolehubah, cara pengukuran, pengumpulan dan penganalisan data (Sulaiman, 2003) ini disokong oleh Haruddin (2004), yang menyatakan reka bentuk disediakan bertujuan untuk mencari jawapan kepada persoalan kajian.

Kajian ini merupakan kajian berbentuk deskriptif yang menggunakan kaedah tinjauan. Kajian deskriptif adalah kajian yang mengkaji peristiwa atau fenomena pada masa sekarang yang melibatkan penerangan, pemerhatian, analisis, perbandingan dan perkaitan. (Annie, 2008). Instrumen kajian berbentuk inventori akan diedarkan kepada sampel dalam populasi yang hendak dikaji. Disini kajian deskriptif digunakan untuk melihat hubungan antara jenis personaliti dan jenis pemikiran secara kritis dalam kalangan pelajar SMV negeri Johor. Bagi mendapatkan

maklumat mengenai sesuatu peristiwa yang sedang berlaku, kaedah penyelidikan deskriptif digunakan (Mohd. Majid, 2004). Kenyataan ini telah disokong oleh Burn (2000) yang menyatakan bahawa kajian berbentuk deskriptif bermatlamat untuk menganggar setepat yang boleh sifat keadaan yang telah wujud atau sifat-sifat populasi.

### **Populasi Kajian**

Dalam kajian ini, populasi kajian ialah 1997 orang pelajar tingkatan empat dari tujuh buah SMV di negeri Johor iaitu SMV Batu Pahat, SMV ERT Azizah, SMV Kluang, SMV Kota Tinggi, SMV Muar, SMV Segamat dan SMV Tanjung Puteri. Populasi kajian ini telah diperolehi daripada panggilan telefon di antara penyelidik dengan pihak pengurusan setiap sekolah terlibat.

Pengedaran borang inventori akan diberikan kepada sampel kajian. Bagi mendapatkan jumlah sampel minimum, saiz sampel ini ditentukan berdasarkan kepada Jadual Penentuan Saiz Sampel yang dikemukakan oleh Krejcie dan Morgan (dalam Isaac dan Michael, 1984) yang mempunyai 95% aras keyakinan. Berdasarkan rumus tersebut jumlah sampel ditentukan seperti dalam Jadual 3.1 di bawah:

Jadual 3.1 Bilangan Sampel Pelajar Tingkatan Empat Tahun 2011

<b>SMV</b>	<b>Bilangan Populasi</b>	<b>Bilangan Sampel</b>
SMV Batu Pahat	261	42
SMV ERT Azizah	145	23
SMV Kluang	298	48
SMV Kota Tinggi	270	44
SMV Muar	357	58
SMV Segamat	240	39
SMV Perdagangan	219	35
SMV Tanjung Puteri	207	33
<b>Jumlah</b>	<b>1997</b>	<b>322</b>

Bilangan populasi bagi pelajar adalah seramai 1997 orang, maka berdasarkan jadual Krejcie dan Morgan bilangan saiz sampel yang diperolehi adalah seramai 322 orang responden. Pengiraan bilangan saiz sampel bagi setiap SMV adalah seperti di bawah:

$$\text{Bil. sampel bagi setiap SMV} = \frac{\text{Bil. Populasi bagi setiap SMV}}{\text{Jumlah bilangan populasi}} \times \text{Jumlah sampel yang diperolehi dari jadual Krejcie dan Morgan}$$

## **Instrumen Kajian**

Instrumen ialah alat yang menentukan jenis data yang diperolehi dan ini akan mempengaruhi jenis analisis data. Instrumen kajian penting untuk mencapai objektif sesuatu penyelidikan (Mohd Majid Konting, 2000). Instrumen utama yang terlibat dalam proses pengumpulan data bagi kajian yang akan dijalankan ini ialah set borang inventori. Menurut Nurani (2010), kebolehpercayaan dan kesahihan adalah merupakan dua konsep yang psikometrik yang perlu dinilai dalam pemilihan instrumen berbentuk inventori ini. Untuk kajian ini penilaian personaliti dinilai dengan menggunakan *Myers-Briggs Type Indicator* (MBTI) manakala untuk penilaian pemikiran kritis pula akan dinilai menggunakan *Watson-Glaser Critical Thinking Appraisal Form S* (WGCTA Form S).

Jadual 3.2 : Jadual Instrumen Jenis Personaliti dan Jenis Pemikiran Kritis

Bahagian	Perkara	Item	Jumlah
A	Demografi	1-3	3
B	Penilaian Personaliti (MBTI)		
B1	Ekstrovert- Introvert	2, 4, 5, 7, 9, 10, 11, 12, 14, 15, 18, 19, 22, 25, 28, 31, 33, 35, 36, 37, 40.	21
B2	Sensing- Intuitif	1, 3, 6, 8, 13, 16, 27, 20, 21, 23, 24, 26, 27, 29, 30, 32, 34, 38, 39, 41, 42, 43, 44, 45, 46, 47	26
C	Penilaian Pemikiran Kritis (WGCTA)		
C1	Inferens	1-7	7
C2	Pengakuan Andaian	8-15	8
C3	Deduksi	16-24	9
C4	Interpretasi	25-31	7
C5	Penilaian Alasan	32-40	9

### **Kajian Rintis**

Bordens dan Abbott (2002), menyatakan kajian rintis digunakan untuk menentukan kesahan dan kebolehpercayaan dalam soal selidik untuk kali yang pertama. Sebelum kajian sebenar dijalankan, penyelidik membuat kajian rintis bagi menentukan sekiranya terdapat perubahan atau penambahbaikan bagi kandungan soal selidik. Kajian Rintis ini bertujuan untuk menguji kesahan dan kepercayaan instrumen kajian dengan mengambil jumlah sampel yang sedikit. Ianya diedarkan supaya keputusan bagi kajian seterusnya lebih konsisten. Tujuan utama penyelidik menjalankan kajian rintis ini ialah untuk:

- (i) Memastikan soalan atau item di dalam borang inventori mudah difahami dan jelas.
- (ii) Membuat pembetulan terhadap soalan atau item yang menimbulkan takrifan yang berlainan kepada responden.

### **Pengumpulan Data**

Kaedah pengumpulan data dilakukan dengan pengumpulan secara terus daripada responden atau sampel kajian. Borang inventori akan diedarkan secara serentak dan berkelompok bagi memastikan borang inventori tersebut dapat dipungut semula pada hari dan bilangan yang telah ditetapkan.

Penyelidik akan memulakan kajian dengan mengenalpasti permasalahan terhadap kajian yang hendak dikaji. Masalah kajian merupakan perkara yang amat penting dalam menghasilkan sesuatu kajian. Penyelidik merasakan kajian ini perlu dilakukan kerana jenis personaliti dan jenis pemikiran secara kritis dalam kalangan pelajar khususnya pelajar Sekolah Menengah Vokasional negeri Johor memainkan peranan penting dalam pencapaian akademik mereka. Dalam kepesatan pembangunan negara dewasa ini, terlalu banyak gejala sosial yang semakin membimbangkan ibu bapa dan para guru. Dengan itu, penyelidik ingin menghasilkan satu rubrik berkaitan perbezaan antara jenis personaliti dengan jenis pemikiran secara kritis dalam kalangan pelajar.

Setelah proses mengenal pasti masalah kajian dilakukan, penyelidik akan mengadakan perbincangan bersama penyelia bagi mengesahkan pernyataan masalah yang telah dikenalpasti itu sesuai mahupun tidak untuk dikaji. Sekiranya keputusan yang diperolehi adalah sesuai, penyelidik seterusnya akan berbincang tentang penentuan tajuk yang sesuai dengan permasalahan kajian tersebut. Seterusnya, penyelidik akan memulakan dengan mencari seberapa banyak maklumat atau bahan berkaitan dengan masalah kajian. Maklumat atau bahan yang diperolehi boleh dilakukan dengan cara pembacaan artikel yang terdapat dalam internet, jurnal-jurnal berkaitan, kajian-kajian lepas dan buku berkaitan. Objektif dan kajian dibentuk hasil daripada pembacaan bahan-bahan ilmiah tersebut.

Kajian awalan dilakukan dan pengedaran borang inventori dilaksanakan kepada semua pelajar tingkatan empat Sekolah Menengah Vokasional Negeri Johor untuk mendapatkan tindak balas terhadap kajian yang dilakukan. Proses pengumpulan borang inventori akan dilakukan setelah borang tersebut siap diisi dan dijawab oleh responden terlibat. Sekiranya terdapat responden yang tidak menjawab kesemua soalan inventori yang diberikan, penyelidik perlu menolak dan tidak mengambil kesemua jawapan inventori daripada responden tersebut walaupun hanya terdapat satu soalan yang tidak dijawab. Data mentah yang diperolehi daripada borang inventori tersebut dianalisis menggunakan perisian Statistical Package for the

Science Sosial (SPSS) versi 16.0. Setelah itu, analisis data dibuat berdasarkan kepada dapatan yang diperolehi daripada perisian SPSS tersebut. Di akhir kajian, perbincangan dan kesimpulan akan dibuat selepas semua proses yang disenaraikan lengkap. Cadangan kajian lanjutan perlu diberikan untuk dijadikan panduan dan rujukan kepada penyelidik akan datang.

### **Analisis Data**

Data yang diperolehi daripada soal selidik akan dianalisis melalui komputer dengan menggunakan program *Statistical Packages for Social Sciences* (SPSS versi 16.00 untuk windows). Data dianalisis menggunakan transformasi data kepada jadual dan dirumuskan untuk memperjelaskan dapatan. Meskipun fakta merupakan hak semua orang tetapi tafsiran fakta adalah hak individu sebagai penyelidik (Mohd Majid Konting, 2000).

Jadual 3.3 Kaedah Analisis Data Mengikut Kesesuaian Persoalan Kajian

Persoalan Kajian	Kaedah Analisis
Apakah jenis personaliti pelajar SMV negeri Johor?	Skor min, Peratus, Frekuensi
Apakah jenis pemikiran kritis pelajar SMV negeri Johor berdasarkan lima aspek WGCTA?	Skor Min, Peratus, Frekuensi
Adakah wujud perbezaan antara pelajar berlainan jenis personaliti dalam gaya pemikiran secara kritis di SMV negeri Johor?	ANOVA

### **Jangkaan Dapatan**

Jangkaan kajian ini diharap dapat menentukan jenis personaliti dan jenis pemikiran kritis pelajar Sekolah Menengah Vokasional negeri Johor. Dengan penentuan jenis personaliti dan jenis pemikiran kritis tersebut seterusnya dapat membantu di dalam mencari persoalan kajian yang seterusnya samada wujud ataupun tidak hubungan antara jenis personaliti dan jenis pemikiran kritis pelajar-pelajar tersebut. Penyelidik amat berharap responden memberi kerjasama bagi menyiapkan kajian yang ingin dilakukan bagi memperolehi dapatan yang sah dan tepat.



## **Kesimpulan**

Secara keseluruhannya, penyelidik mengemukakan beberapa perkara penting yang menjadi nadi penyelidikan dalam kajian ini. Perkara tersebut adalah pernyataan masalah yang menjadi justifikasi penting bagi penyelidikan ini iaitu mengetahui jenis personaliti dan gaya pemikiran kritis. Skop dan batasan kajian menfokuskan sedalam mana kajian ingin dijalankan bersama-sama kekangan yang membatasi kajian yang akan dijalankan. Di samping itu juga, penyelidik ada menyatakan beberapa persoalan kajian yang merupakan panduan dalam mencapai objektif penyelidikan ini. Selain itu, penyelidik juga telah menerangkan dengan jelas dan terperinci tentang tatacara yang digunakan oleh penyelidik untuk memperoleh maklumat dan seterusnya menganalisa data serta menerangkan kaedah yang digunakan dalam kajian ini merangkumi rekabentuk kajian, lokasi kajian, populasi dan sampel kajian, instrumen kajian, kajian rintis, pengumpulan data, analisis data dan jangkaan dapatan. Borang inventori merupakan instrumen yang digunakan dalam kajian ini.

## Rujukan

- Abdul Ghafar, M. N (2003). *Kaedah Penyelidikan Pendidikan*. Skudai: Penerbit Universiti Universiti Malaysia.
- Ahmad, A., Mohamad, M. M. Dan Subari, K. (2006). *Aplikasi Corak Pembelajaran Kemahiran Berfikir Secara Kreatif dan Kritis di Kalangan Pelajar Dalam Subjek Pengajian Kejuruteraan Awam Sekolah Menengah Teknik Negeri Johor*.
- Bonyamin, N. Z. (2006). *Hubungan Personaliti dan Tekanan Belajar Dengan Pencapaian Prestasi Akademik di Kalangan Pelajar-pelajar Tahun Akhir Fakulti Pendidikan, UTM*. Universiti Teknologi Malaysia. Tesis Sarjana Muda.
- Bordens, K. S. Dan Abbott, B. B. (2002). *Research Design and Methods: A Process Approach*. 10th ed. New York: McGraw Hill.
- Chua, Y. P. (2005). *Kaedah dan Statistik Penyelidikan*. 1st ed. McGraw Hill Malaysia.
- Engler, B. (2009). *Personality Theories*. 8th ed. Houghton Mifflin Harcourt Publishing Company.
- Hashim, S. (2010). *Pemikiran Kritikal*. Dicapai pada Februari 2, 2011 dari <http://eprints.utm.my/10356/1/bab9.pdf>
- Kamrin, S. (2008). Tahap Penguasaan Kemahiran Berfikir Kritis Pelajar Sains Tingkatan Empat. *Jurnal Pendidikan Universiti Teknologi Malaysia*. 13, 58-72.
- Myers, I. B. (1998). *MBTI Manual: A Guide to The Development and Use of The Myers-Briggs Type Indicator*. 3rd ed. Consulting Psychologists Press, Inc.
- Quenk, N. L. (2000). *Essentials of Myers-Briggs Type Indicator Assessment*. John Wiley & Sons, Inc.
- Rykman, R. M. (2009). *Theories of Personality*. 9th ed. Wadsworth Publication Company.
- Yahaya, A. (2010). Hubungan Antara Sejarah Silam dengan Perkembangan Personaliti di Kalangan Pelajar Bandar dan Luar Bandar. *Seminar Antarabangsa Nilai dalam Komuniti Pasca Modenisme*.